

UMT anjur program derma darah

St 06/08/08 Pg.Tb

■ NURUL HUDA HUSAIN

GONG BADAQ—Penganjuran Program Derma Darah Institut Pengajian Tinggi (IPT) 2008 anjuran Pusat Kesihatan Pelajar Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dengan kerjasama Hospital Sultanah Nur Zaherah (HSNZ) membuktikan pihak universiti sentiasa memberikan sokongan serta prihatin akan keperluan masyarakat.

Pengarah program berkenaan, Ahmad Abd Samad Zaki, berkata, pihaknya sentiasa prihatin dan berusaha memberikan sokongan kepada pihak hospital bagi menangani masalah kekurangan bekalan darah.


“Kebanyakan pelajar hari ini juga semakin sedar akan pentingnya menderma darah bagi menampung kekurangan bekalannya di hospital dan dengan adanya sumbangan tersebut sekurang-kurangnya ia dapat menyelamatkan nyawa seseorang.

“Matlamat utama UMT bukan sahaja ingin melahirkan pelajar cemerlang dalam bidang akademik semata-mata, sebaliknya merangkumi semua aspek termasuklah menggalakkan penglibatan mereka dalam aktiviti sebegini,” katanya kepada **Sinar Harian** ketika ditemui pada program berkenaan.

Menurutnya, melalui program itu, ia diharap memberi pendedahan awal kepada golongan pelajar untuk sentiasa mempunyai rasa tanggungjawab terhadap pihak lain, selain dapat meningkatkan kesihatan badan.

“Meskipun sumbangan darah yang diberikan melalui penganjuran program sebegini tidak seberapa, namun sekurang-kurangnya ia dapat mengurangkan sedikit bebanan yang terpaksa ditanggung pihak hospital membabitkan bekalan darah yang sentiasa tidak mencukupi.

“Sokongan dan semangat



Salah seorang kakitangan hospital memeriksa pelajar sebelum mengambil darah di UMT, Kuala Terengganu.

yang ditunjukkan pelajar dan seluruh kakitangan di sini sudah cukup mencerminkan masyarakat hari ini semakin

menyedari akan perlunya menjalankan tanggungjawab sosial sebegini,” katanya.

Ujarnya, program yang

telah memasuki tahun kedua ini turut mendapat kerjasama Kelab Double Helix dan Kelab Suara Anak Felda se-

bagai membuktikan UMT sememangnya prihatin akan kekurangan bekalan darah yang dialami pihak hospital.